

Membaca kerana terpaksa

BERITA HARIAN (04/12/2019) MALS 05

Kajian dapati pelajar berusia 15 tahun tak jadikan amalan sebagai hobi

Oleh Suhaila Shahrul Annuar
suhaila.shahrul@bh.com.my

Putrajaya: Laporan Program Pentaksiran Pelajar Antarabangsa (PISA) 2018 mendapati pelajar berusia 15 tahun di negara ini tidak menjadikan membaca sebagai hobi.


Kajian berkenaan yang menaksir 6,111 pelajar daripada kumpulan usia itu dari 191 sekolah di Malaysia, menunjukkan mereka hanya membaca kerana terpaksa atau untuk tujuan tertentu dan bukan sebagai minat.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Amin Senin, berkata perkara itu perlu diberi perhatian bagi memupuk minat untuk membaca.

Katanya, peratusan bahan yang dibaca pelajar berusia 15 tahun di Malaysia juga menunjukkan pengurangan yang signifikan antara laporan PISA 2018 dengan PISA 2009, iaitu ketika literasi bacaan menjadi domain utama.

Beliau berkata, peratusan bahan yang dibaca oleh pelajar 15 tahun di Malaysia juga menunjukkan pengurangan signifikan antara PISA 2018 dengan PISA 2009.

“Selain itu, tiga jenis bahan bacaan yang masih diminati ada-



Amin menunjukkan buku laporan PISA 2018 pada sidang media di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

lah buku fiksiyen, buku bukan fiksiyen dan komik,” katanya pada sidang media mengumumkan pencapaian Malaysia dalam PISA 2018, di sini, semalam.

Sebanyak 77 peratus pelajar lelaki berusia 15 tahun hanya membaca untuk mendapatkan maklumat diperlukan berbanding 58 peratus perempuan untuk tujuan sama.

Katanya, 52 peratus pelajar lelaki pula menyatakan membaca adalah hobi digemari berbanding 73 peratus perempuan.

“Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) melaporkan bahawa pengurangan dalam penggunaan bahan bercetak boleh dikaitkan dengan era digital, iaitu akses kepada ruang bual, pembacaan rencana dalam laman berita atau laman

web yang menyediakan bahan bacaan dengan mudah.

“Peratusan murid Malaysia yang menyatakan mereka kerap melakukan pencarian maklumat dalam talian adalah tinggi, malah hampir menyamai peratusan purata OECD,” katanya.

PISA yang diperkenalkan pada 2000 ditadbir bergilir setiap tiga tahun yang mana dalam setiap pusingan, satu domain wajib menjadi domain utama.

Untuk PISA 2018 dan PISA 2009, domain utama adalah Literasi Bacaan sekali gus menyebabkan semua perbandingan PISA 2018 dibandingkan dengan PISA 2009.

Katanya, Malaysia kini berada di kedudukan satu pertiga pertengahan dalam kedudukan negara yang menyertai PISA 2018 serta menunjukkan pencapaian

yang lebih baik dalam ketiga-tiga domain literasi iaitu bacaan, matematik dan saintifik berbanding negara ASEAN yang lain, kecuali Singapura.

Secara keseluruhan, katanya, pencapaian Malaysia meningkat dengan signifikan dalam ketiga-tiga domain literasi.

Terdapat peningkatan dalam kalangan murid berpencapaian tinggi dan penurunan dalam kalangan murid berpencapaian rendah.

“Pencapaian Malaysia berdasarkan skor purata juga menunjukkan Malaysia semakin menghampiri purata OECD.

“Malaysia mencapai skor purata 415 mata dalam literasi bacaan PISA 2018, manakala 440 skor bagi literasi matematik dan 438 skor dalam literasi saintifik,” katanya.